

Wacana Tokoh: Program baru MPI

Assalamualaikum, salam sejahtera, selamat pagi dan selamat datang ke Wacana Tokoh bersama Tokoh Wartawan Negara 2011, Datuk A. Kadir Jasin anjuran bersama Malaysian Press Institute (MPI) dan Press Forum Asia (PFA) dulunya Press Foundation Asia. Inilah julung-julung kali, kami menganjurkan program wacana tokoh, yang diharapkan dapat kita teruskan pada masa-masa akan datang dan dijadikan salah satu program teras kegiatan MPI, selain menganjurkan kursus-kursus dan latihan serta mengiktiraf produk-produk kewartawanan melalui penganjuran pelbagai anugerah.

Selain golongan wartawan dan tokoh-tokoh wartawan, para peserta pagi ini terdiri daripada ahli-ahli akademik, para pemimpin dan pelajar pengajian komunikasi, media dan kewartawanan mewakili Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Universiti Selangor (UNISEL). Turut mengiringi mereka adalah ahli-ahli akademik lima buah universiti berkenaan. Terima kasih kepada semua di atas kesudian meluangkan waktu untuk menghadiri majlis ilmu ini.

Pagi ini Datuk A. Kadir akan berbicara tentang *Komunikasi Massa: Antara Demokraksi dan Anarki*. Dari segi teori politik, demokrasi dan anarki adalah dua model pemerintahan yang bertentangan: demokrasi berpaksikan *rule by the demos* atau rakyat manakala penganut fahaman anarki percaya masyarakat tidak memerlukan sebuah kerajaan atau apa juga autoriti yang menjejaskan tindakan-tindakan dan kebebasan individu. Penganut demokrasi percaya kepada keputusan majoriti dan *rule of law* manakala anarkis menganjurkan perubahan-perubahan sosial menerusi tindakan-tindakan revolusiner, termasuk tindakan ganas. Di manakah komunikasi massa dalam senario itu?

Saya akan menyerahkan kepada Datuk Kadir untuk mencerahkan kita tentang tajuk itu pagi ini. Mengenali Datuk Kadir, sebagai seorang wartawan yang apabila bercakap dan menulis tidak berselindung, seorang yang suka berterus terang dan terkenal dengan keberanian untuk mengatakan kebenaran, saya menjangka apa yang bakal beliau zahirkan nanti juga mungkin kontroversial. Nak tahu sama ada telahan saya ini betul atau tidak, kita tunggu sebentar lagi.

Saya tidak bercadang untuk bercakap panjang lebar tentang mauduk wacana kita. Saya juga tidak perlu memperkenalkan secara terperinci mengenai penceramah kita. Siapa Datuk Kadir sebanyak sedikit sudah kita ketahui kerana pembabitannya dalam bidang kewartawanan yang bermula sebagai pemberita kadet dengan BERNAMA sehinggalah nama dijulang sebagai Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Press Berhad, penuh dengan pancang tanda yang sukar ditandingi oleh mana-mana wartawan yang seangkatan dengannya. Malah pada suatu waktu, beliau bersama tiga lagi budak Melayu yang lain, adalah pemilik kumpulan media itu.

Beliau pernah rapat dengan *the powers that be* iaitu orang-orang politik yang memerintah negara pada satu ketika. Tentulah banyak yang boleh kita kongsi pada pagi ini tentang apa yang berlaku di sebalik tabir politik Malaysia, yang kita orang biasa tidak ketahui.

Sebentar tadi, Datuk Kadir bertanya kepada saya apakah bahasa yang mahu digunakannya sama ada bahasa kebangsaan atau bahasa penjajah, istilah beliau sendiri sewaktu menyampaikan pembentangannya. Saya kata terserah kepada Datuk Kadir sendiri. Tetapi saya rasa tidak salah untuk Datuk Kadir bercakap dalam bahasa kebangsaan dan juga bahasa Inggeris, selari dengan dasar kerajaan untuk memperkasakan bahasa Melayu dan memperkukuhkan bahasa Inggeris.

Kita ada satu jam setengah untuk sesi wacana ini. Terserah kepada Datuk Kadir untuk bercakap berapa lama, saya tidak akan had waktu untuk beliau, asalkan beliau meluangkan

sedikit waktu untuk sesi soal jawab sebelum kita berhenti untuk makan tengah hari pada jam 12.30 tengahari nanti.

Dengan pengenalan ringkas itu, tanpa berlengah-lengah lagi saya dengan sukacitanya mempersilakan Datuk Kadir untuk menyampaikan pembentangannya. Dipersilakan Datuk.